# K2

MENYELAMI HI[DUP]



# AZHAR PAKAR BIAK AYAM KAMPUNG

> Lihat muka 22 & 23



RENCANA UTAMA



AZHAR (kanan) menunjukkan ayam kampung baka Akar Putra kepada bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa (dua dari kanan) di UPM pada tahun 2006.



AZHAR menghabiskan masanya mengkaji pembiakan ayam kampung asli.

DAGING ayam kampung merupakan sumber protein yang murah.

# Minat biak ayam kampung sejak kecil

Minat mendalam Prof. Dr. Azhar Kasim terhadap ayam kampung telah mendorongnya untuk membiak baka sendiri yang dikenali sebagai *Akar Putra*.

BERBAJU kolar, berseluar cerah serta berseptu kulit, penampilan **Prof. Dr. Azhar Kasim**, 60, pada pagi itu tidak ubah seperti seorang pensyarah yang ingin mengajar dalam bilik kuliah.

Hakikatnya, bekas pensyarah di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berpakaian sedemikian untuk masuk ke reban ayam milik rakan karibnya di Kajang, Selangor.

Ketika itu, suasana reban yang dihuni lebih 15 ekor ayam kampung agak lecak dek musim hujan sejak kebelakangan ini serta najis ayam di merata sudut.

Tanpa menghiraukan pakaian, kasut dan keadaan di sekeliling Azhar bergegas masuk ke dalam reban apabila terlihat kelibat unggas daripada baka yang dibiaknya.

Di dalam reban, lelaki berkaca mata itu menangkap salah seekor ayam bagi memeriksa tahap pembesaran sambil mengusap kepalanya seperti seorang bapa membelai anak.

"Saya tidak pernah kekok apabila bersama ayam. Tidak kisah apa keadaan sekali pun.

"Tambah pula, ini adalah ayam kampung asli yang saya biak sendiri. Saiznya berbeza berbanding ayam-ayam lain," katanya ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

Selain menyelidik, beliau juga aktif menternak ayam kampung asli, apabila mengusahakan ladang ternakan di atas sebidang tanah di Yan, Kedah hasil kerjasama Rukambu Livestock milik anak muridnya sendiri ketika di UPM.

Ladang dikhususkan untuk membangunkan dan mengkomersialkan ayam kampung asli.

Justeru, tidak hairanlah ramai dalam kalangan penyelidik dan usahawan ayam menggelarkan Azhar sebagai salah seorang pakar ayam kampung.

AZHAR menghabiskan masa selama lima tahun untuk mendalami ilmu berkaitan unggas di Universiti of Georgia, Amerika Syarikat.




## Turun ilmu

Mengimbau kembali penglibatannya dalam pembiakan dan penternakan ayam kampung, beliau memaklumkan, ia bermula sejak di bangku sekolah rendah.

Lelaki berasal dari Bukit Cina, Melaka itu memberitahu, sejak kecil, beliau sering melihat datuknya, Allahyarham Zainuddin Abu memelihara ayam kampung di rumah.

Jelas Azhar, datuknya memelihara ayam kampung secara sistematik iaitu induk dan anak baru menetas diasingkan bagi mempercepatkan proses bertelur.

"Datuk saya merupakan pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris (kini Universiti Pendidikan Sultan Idris) yang mengajar subjek ternakan ayam. Jadi, saya selalu menghabiskan masa dengannya bersama ayam kampung," imbaunya.

Beliau menambah, datuknya turut menurunkan ilmu memelihara, pemilihan dan penyimpanan telur serta membancuh makanan ayam kampung.

Katanya, pada hujung minggu, datuk akan membawanya ke pasar mengutip sisa buangan seperti kepala ikan bilis, sayur, taugeh dan hampas kelapa untuk membuat makanan ayam.

"Di rumah, saya juga ada memelihara ayam kampung sendiri. Saya bertanggungjawab menguruskan ayam berkenaan termasuk dalam aspek pengeraman telur.

"Saya pernah buat sendiri inkubator pengeraman telur ayam menggunakan kotak, mentol, semangkuk air dan kertas bagi mendapatkan suhu antara 37 hingga 39 darjah Celsius.

"Hasilnya, 10 biji telur yang dieramkan berjaya menetas dengan sempurna. Semua anak ayam itu saya hadiahkan kepada datuk sebagai tanda terima kasih," ujarnya.

Cerita Azhar lagi, kerjaya bapanya sebagai operator wayang pacak bersama Jabatan Penerangan membolehkannya mengumpul dan memelihara pelbagai jenis baka ayam kampung.

Jelasnya, bapanya sering masuk ke kampung-kampung untuk bertugas, sekali gus membolehkannya mendapatkan baka-baka ayam kampung.

Maklum Azhar, antara baka-baka ayam dimilikinya ketika itu termasuklah bulu-balik, leher botak, bulu selasih, janggut, sabung dan jambul.

"Sejak sekolah rendah saya sudah mengenali pelbagai jenis baka ayam kampung. Ketika itu, saya memelihara ayam di rumah sebagai hobi.

"Ayam-ayam yang dipelihara itu ada yang diraskan dan dijual bagi menampung pendapatan harian keluarga. Sekali jual, saya boleh

